

# PENERANGAN TENTANG AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994

- (c) dikeluarkan oleh mahkamah selepas mahkamah meneliti perkara yang berikut:
- kelakuan pihak-pihak;
  - kemungkinan kecederaan kepada orang yang dilindungi;
  - kesannya kepada anak-anak;
  - kesihatan pihak-pihak;
  - alternatif-alternatif yang boleh dipertimbangkan bagi melindungi mangsa.

Pertimbangan yang dibuat oleh mahkamah adalah "atas imbangan kebarangkalian".

## 15 APAKAH HUKUMAN JIKA PESALAH MELANGGAR PERINTAH MAHKAMAH?

Pesalah yang melanggar Perintah Perlindungan (termasuk Perintah Perlindungan Sementara) boleh didenda tidak melebihi RM2,000 atau dipenjarakan tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Pesalah yang melanggar Perintah Perlindungan dengan menggunakan kekerasan atau keganasan boleh didenda tidak melebihi RM4,000 atau dipenjarakan tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Dalam kes pelanggaran kali kedua atau kemudiannya, dia boleh dihukum penjara minimum tidak kurang daripada 72 jam dan tidak lebih daripada dua tahun dan boleh juga didenda tidak melebihi RM5,000.

## 16 BOLEHKAH MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA MENUNTUT PAMPASAN?

Mangsa keganasan rumah tangga boleh menuntut pampasan daripada pesalah melalui mahkamah, jika mangsa mengalami –

- (a) kecederaan diri;
  - (b) kerosakan kepada harta;
  - (c) kerugian kewangan; dan
- mahkamah akan membenarkan tuntutan itu sebagaimana yang difikirkannya adil dan munasabah.

Tuntutan pampasan ini boleh dibuat sebagai suatu tindakan sivil yang berasingan sungguhpun tindakan jenayah telah diambil terhadap pesalah.

- (c) dikeluarkan oleh mahkamah selepas mahkamah meneliti perkara yang berikut:
- kelakuan pihak-pihak;
  - kemungkinan kecederaan kepada orang yang dilindungi;
  - kesannya kepada anak-anak;
  - kesihatan pihak-pihak;
  - alternatif-alternatif yang boleh dipertimbangkan bagi melindungi mangsa.

## 17 APAKAH FAKTOR-FAKTOR YANG DIAMBIL KIRA OLEH MAHKAMAH DALAM MEMBERIKAN PAMPASAN?

Mahkamah yang mendengar tuntutan bagi pampasan boleh mengambil kira faktor yang berikut:

- (a) kesakitan dan penderitaan mangsa itu, jenis dan takat kecederaan fizikal atau mental (berkaitan dengan kesesuaianya);
- (b) kos rawatan bagi kecederaan itu;
- (c) apa-apa kehilangan pendapatan yang berbangkit daripadanya;
- (d) jumlah atau nilai harta yang diambil atau dimusnahkan atau dirosakkan;
- (e) perbelanjaan perlu dan munasabah yang ditanggung oleh mangsa, apabila mangsa terpaksa berpisah atau dipisahkan daripada defendant oleh sebab keganasan rumah tangga seperti –
  - perbelanjaan penginapan yang disumbangkan kepada tempat selamat atau tempat berlindung;
  - perbelanjaan pengangkutan dan pemindahan;
  - perbelanjaan yang dikehendaki dalam menuuhukan suatu rumah tangga berasingan iaitu-
    - (i) amaun pinjaman perumahan; atau
    - (ii) bayaran sewa kesemua atau sebahagian daripada kediaman bersama atau kediaman alternatif, mengikut pertimbangan keadilan dan munasabah oleh mahkamah.

## 18 APAKAH FAKTOR-FAKTOR YANG DIAMBIL KIRA DALAM MENIMBANGKAN "PERBELANJAAN YANG PERLU DAN MUNASABAH"?

Dalam menimbangkan "perbelanjaan yang perlu dan munasabah" mahkamah boleh juga mengambil kira –

- (a) kedudukan kewangan mangsa dan defendant;
- (b) perhubungan antara mangsa dengan defendant dan persoalan-persoalan kemunasabahannya yang menghendaki defendant membuat pembayaran;
- (c) kemungkinan prosiding lain diambil antara pihak-pihak itu dan sama ada ia lebih sesuai

dilaksanakan di bawah undang-undang yang lebih relevan bagi orang berkenaan.

## 19 APAKAH PERINTAH LAIN YANG BOLEH DIKELUARKAN OLEH MAHKAMAH SEBAGAI GANTI ATAU SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA PERINTAH PERLINDUNGAN?

Mahkamah, dalam memberi Perintah Perlindungan, boleh sebagai ganti atau tambahan, mengeluarkan satu atau kedua-dua perintah yang berikut:

- (a) memerintahkan supaya pihak-pihak berkenaan dirujukkan kepada badan pendamai;
- (b) memerintahkan supaya satu pihak atau lebih kepada pertikaian itu dirujuk kepada terapi pemulihan, psikoterapi atau kaunseling pendamaian lain yang sesuai.

Dalam masa membuat perintah sebagai ganti atau tambahan kepada Perintah Perlindungan, mahkamah boleh, jika praktik, meminta nasihat seorang pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat atau mana-mana orang yang terlatih atau berpengalaman.

## 20 APAKAH BADAN PENDAMAI YANG TERLIBAT?

Badan pendamai ialah badan yang mengadakan perkhidmatan kaunseling yang ditubuhkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan bagi orang Islam, ia juga meliputi badan pendamai yang ditubuhkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam.

## 21 BILAKAH PERINTAH PERLINDUNGAN BOLEH DIMINTA?

Perintah Perlindungan boleh diminta dalam sesuatu prosiding jenayah di bawah Kanun Kesejahteraan atau mana-mana undang-undang bertulis lain apabila tertuduh dipertuduh atas suatu kesalahan yang termasuk dalam pengertian keganasan rumah tangga –

- (a) sebagai suatu syarat untuk membebaskan tertuduh dengan jaminan atau pada mana-mana peringkat lain prosiding; atau
- (b) semasa mengkompaun kesalahan itu.

## 22 DI MANAKAH ADUAN BOLEH DIBUAT?

Aduan boleh dibuat kepada mana-mana pegawai penguat kuasa (pegawai kebajikan atau pegawai polis), di mana –

- (a) pengadu itu tinggal;
- (b) pesalah itu tinggal;
- (c) keganasan yang dikatakan itu berlaku;
- (d) mangsa itu ditempatkan buat sementara.

Bagi kanak-kanak dan orang dewasa yang tidak berupaya untuk membuat aduan, ia boleh dibuat oleh penjaga atau saudara atau orang yang bertanggungjawab menjaga atau oleh seorang pegawai penguat kuasa. Pegawai penguat kuasa itu akan memfailkan aduan itu di mahkamah dan mahkamah dikehendaki mendengar kes itu dengan seberapa segera yang boleh.

## 23 APAKAH DOKUMEN-DOKUMEN YANG PERLU DIBAWA APABILA BERJUMPA DENGAN PEGAWAI JABATAN BANTUAN GUAMAN?

Dokumen-dokumen yang perlu dibawa ialah –

- (a) kad pengenalan;
- (b) surat nikah;
- (c) sijil kelahiran;
- (d) sijil kelahiran anak-anak, jika berkaitan;
- (e) laporan polis;
- (f) laporan perubatan; dan
- (g) laporan kaunseling, jika berkaitan.

Untuk keterangan lanjut, sila berhubung dengan mana-mana cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berdekatan atau Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman di alamat yang berikut:

**IBU PEJABAT  
JABATAN BANTUAN GUAMAN  
ARAS 1, BANGUNAN HAL EHVAL UNDANG-UNDANG  
PRESINT 3,**

**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62692 PUTRAJAYA**

**NO. TELEFON: 03-88851000  
NO. FAKSIMILE: 03-88851829/1830/1831  
LAMAN WEB: [www.jbg.gov.my](http://www.jbg.gov.my)  
SMS: Taip JBG MENU dan hantar ke 15888**

**CATATAN:**  
RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA BUKAN NASIHAT UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP DAN TERPERINCI.

1

### APAKAH TUJUAN AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994 DIADAKAN?

Tujuan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] diadakan adalah untuk memberi perlindungan kepada mangsa-mangsa keganasan rumah tangga. Mangsa dalam Akta ini termasuklah isteri.

2

### APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN "KEGANASAN RUMAH TANGGA"?

Keganasan rumah tangga berlaku apabila seseorang –

- menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa;
- secara bersengaja atau dengan sedar meletak atau cuba meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal;
- memaksa atau mengancam mangsa untuk melakukan apa-apa perbuatan berbentuk seksual yang mangsa itu berhak untuk tidak melakukannya;
- mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaannya; atau
- melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disedari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kegusaran kepada mangsa.

3

### SIAPAKAH MANGSA YANG DILINDUNGI OLEH AKTA INI?

Mangsa yang dilindungi oleh Akta ini ialah –

- (a) isteri atau suami, isteri atau suami *de facto* (iaitu seseorang yang telah melalui suatu bentuk istiadat yang diiktiraf sebagai istiadat perkahwinan mengikut agama atau adat pihak-pihak yang berkenaan walaupun perkahwinan itu tidak didaftarkan atau tidak dapat didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan upacara dan pendaftaran perkahwinan) atau bekas isteri atau bekas suami;
- (b) kanak-kanak (berumur di bawah 18 tahun yang tinggal sebagai seorang anggota keluarga);
- (c) orang dewasa yang tidak berkeupayaan (yang tinggal sebagai seorang anggota keluarga);
- (d) mana-mana anggota keluarga lain yang tinggal bersama, seperti:

6

### BAGAIMANAKAH SESEORANG PEGAWAI POLIS BOLEH MEMBERI PERTOLONGAN KEPADA MANGSA?

Di bawah seksyen 19 Akta 521, seseorang pegawai polis yang merupakan pegawai penguat kuasa bertanggungjawab untuk –

- anak lelaki atau anak perempuan dewasa;
- ibu atau bapa;
- abang, kakak atau adik; atau
- mana-mana saudara lain yang pada pandangan mahkamah hendaklah dimasukkan bagi tujuan perlindungan di bawah Akta ini.

4

### APAKAH YANG PATUT DIBUAT OLEH MANGSA?

Di bawah Akta ini, seseorang mangsa boleh mengambil tindakan yang berikut:

- (a) mendapatkan pertolongan atau panduan daripada mana-mana pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- (b) mendapatkan perlindungan segera di Pusat Khidmat Sepadu di Unit Kecemasan hospital utama;
- (c) berjumba atau menghubungi peguam atau pegawai Jabatan Bantuan Guaman;
- (d) membuat laporan polis di mana-mana balai polis walaupun balai polis itu berada di luar kawasan tempat kejadian.

5

### BAGAIMANAKAH SESEORANG PEGAWAI KEBAJIKAN MASYARAKAT BOLEH MEMBERI PERTOLONGAN KEPADA MANGSA?

Menurut seksyen 19 Akta 521, seseorang pegawai polis atau pegawai kebajikan yang merupakan pegawai penguat kuasa bertanggungjawab untuk –

- (a) membantu mangsa itu memfailkan aduan;
- (b) menyediakan atau menguruskan pengangkutan kepada mangsa untuk tempat tinggal yang lebih selamat sekiranya perlu;
- (c) menyediakan atau menguruskan pengangkutan kepada mangsa untuk ke hospital atau klinik sekiranya perlu;
- (d) menerangkan kepada mangsa mengenai haknya di bawah Akta 521;
- (e) menemani mangsa ke tempat tinggalnya untuk mengambil barang-barang peribadi.

6

### BAGAIMANAKAH SESEORANG PEGAWAI POLIS BOLEH MEMBERI PERTOLONGAN?

Di bawah seksyen 19 Akta 521, seseorang pegawai penguat kuasa yang juga merupakan

pegawai polis mempunyai tugas-tugas tambahan –

- (a) menjalankan kuasa menangkap di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain;
- (b) mengeluarkan atau mengawasi pengeluaran seseorang yang dikeluarkan daripada kediaman bersama jika mahkamah telah mengeluarkan suatu perintah di bawah perenggan 6(1)(a).

7

### BAGAIMANAKAH MAHKAMAH BOLEH MEMBERI PERTOLONGAN?

Mahkamah mempunyai pelbagai peranan di bawah Akta 521, antara lain, mahkamah akan –

- (a) menerima dan merekodkan aduan yang difailkan oleh mangsa dan mendengar serta membuat keputusan tentang aduan tersebut dengan seberapa segera (seksyen 14);
- (b) mengeluarkan perintah yang bersesuaian seperti perintah perlindungan, pampasan kewangan untuk mangsa, memerintahkan supaya pemulihan psikoterapi atau kaunseling diberikan kepada mangsa/pesalah dan sebagainya;
- (c) menyelenggara rekod berhubung dengan butir-butir terperinci tentang aduan yang difailkan seperti butir-butir pihak yang terlibat, kecederaan, perintah yang dikeluarkan dan sebagainya. Butir-butir ini adalah amat berguna bagi membantu pihak mahkamah menilai keberkesanan amalan pada masa lalu, kajian sosial tentang keganasan rumah tangga, menjadi panduan kepada pembuat dasar dan sebagainya.

8

### BAGAIMANAKAH PEGAWAI JABATAN BANTUAN GUAMAN BOLEH MEMBERI PERTOLONGAN?

Pegawai Jabatan Bantuan Guaman adalah terlatih dalam bidang undang-undang. Selain memberi nasihat untuk membantu mangsa membuat laporan polis atau memfailkan aduan di mahkamah, mereka juga boleh memberi nasihat tentang permohonan untuk mendapatkan perintah di mahkamah, tindakan mengemukakan saman persendirian bagi pertuduhan jenayah (dalam hal keadaan tertentu) dan sebagainya. Seseorang mangsa yang diberi nasihat dengan sewajarnya oleh seseorang yang terlatih dalam undang-undang boleh menegakkan hak-haknya dengan lebih berkesan.

9

### BAGAIMANAKAH ORANG RAMAI BOLEH MENOLONG MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA?

Kawan, saudara mara, jiran dan orang ramai boleh memainkan peranan dalam mencegah perbuatan yang melibatkan keganasan rumah tangga. Penglibatan langsung yang boleh diambil adalah dengan menyediakan "tempat selamat" kepada mangsa dan membuat laporan tentang kejadian keganasan rumah tangga kepada pegawai kebajikan atau pihak polis. Akta 521 melindungi "pemberi maklumat" walaupun maklumat yang diberikan itu didapat tidak betul atau kurang tepat kemudiannya (subseksyen 18 (2) Akta 521). Penglibatan secara tidak langsung adalah dengan melibatkan diri dalam usaha-usaha untuk mewujudkan keharmonian dalam rumah tangga dan memberi kefahaman tentang tanggungjawab suami isteri yang sepaututnya.

10

### APAKAH BENTUK PERLINDUNGAN YANG TERDAPAT DALAM AKTA INI?

Bentuk perlindungan ialah:

- (a) Perintah Perlindungan Sementara (Interim Protection Order) di bawah seksyen 4;
- (b) Perintah Perlindungan (Protection Order) di bawah seksyen 5; dan
- (c) Perintah Sampingan di bawah seksyen 6.

11

### APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN PERINTAH PERLINDUNGAN SEMENTARA?

Perintah Perlindungan Sementara ialah suatu perintah yang boleh dikeluarkan sementara menunggu penyiasatan berhubung dengan suatu perbuatan keganasan rumah tangga oleh pihak polis selesai.

12

### APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN PERINTAH PERLINDUNGAN?

Perintah Perlindungan ialah suatu perintah dalam bentuk injunksi bagi mencapai salah satu atau semua tujuan yang berikut:

- (a) untuk menghalang berlakunya perbuatan keganasan rumah tangga terhadap mangsa;
- (b) untuk menghalang pesalah daripada menghasut orang lain daripada melakukan perbuatan keganasan rumah tangga terhadap mangsa;

c)

untuk memberi perlindungan kepada mangsa dalam Perintah Sampingan, kuasa menangkap dan sebagainya.

Aduan atau permohonan untuk mendapat suatu Perintah Perlindungan tidak semestinya dibuat oleh mangsa sendiri.

13

### APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN PERINTAH SAMPINGAN?

Suatu Perintah Perlindungan termasuklah Perintah Sampingan tertentu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 6 Akta 521. Perintah-perintah itu termasuklah –

- (a) memberi orang yang dilindungi hak eksklusif untuk mendiami tempat kediaman secara keseluruhannya;
- (b) memberi orang yang dilindungi hak eksklusif untuk mendiami tempat kediaman secara bahagian tertentu;
- (c) menghendaki pesalah membenarkan orang yang dilindungi memasuki kediaman untuk mengambil barang-barang kepunyaannya. Walau bagaimanapun, orang yang dilindungi hendaklah ditemani oleh seorang pegawai kebajikan atau pegawai polis semasa berbuat demikian;
- (d) melarang pesalah daripada masuki tempat kediaman atau kediaman alternatif orang yang dilindungi atau tempat kerja atau sekolah;
- (e) melarang pesalah membuat perhubungan bertulis atau telefon dengan orang yang dilindungi melainkan jika dengan kehadiran seorang pegawai penguat kuasa atau orang lain yang dinyatakan dalam perintah;
- (f) menghendaki pesalah membenarkan orang yang dilindungi untuk terus menggunakan kenderaan pesalah yang sebelum itu biasanya digunakan oleh orang yang dilindungi.

14

### APAKAH MAKLUMAT LANJUT YANG PERLU DIKETAHUI TENTANG PERINTAH SAMPINGAN?

Sesuatu Perintah Sampingan adalah –

- (a) berkuat kuasa selama tempoh tidak melebihi 12 bulan dari tarikh mula berkuatkuasanya perintah sedemikian sebagaimana yang dinyatakan dalam Perintah Perlindungan;
- (b) tidak menjelaskan hak-hak dan kepentingan pihak-pihak yang terlibat berhubung dengan harta yang tertakluk kepada perintah seperti tempat kediaman dan kenderaan;